MATAPELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

SET 5 –MODUL HALUS

TINGKATAN 5

MODUL 14 **PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER**

SOALAN MODUL 14
BAHAGIAN A

1 Antara berikut manakah contoh bagi sebuah perniagaan Syarikat Awam?

A Amin Enterprise
B Kalimanjaro Berhad
C Klinik Aufa dan Rakan rakan
D Syarikat Bekalan Air Ipoh Sdn. Bhd.

2 Yang manakah antara berikut **tidak** terdapat di dalam kandungan Perlembagaan Syarikat?

A Tujuan syarikat
B Cara pembayaran dividen
C Nama-nama pemegang saham
D Pengurusan dan pentadbiran syarikat

3 Antara berikut, manakah yang tercatat di bahagian Ekuiti Pemilik dalam Kunci Kira-kira sebuah syarikat berhad?

A Modal Berdaftar
B Modal Belum Berdaftar
C Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
D Modal Belum Diterbitkan dan Belum Berbayar

4 Yang manakah antara berikut **tidak benar** mengenai ciri-ciri sebuah syarikat awam
A Bilangan ahli tidak melebihi 50 orang
B Syer bebas dipindah milik dan mudah dijual beli
C Syer bebas dimiliki oleh individu, persatuan atau entiti perniagaan
D Syer boleh disenaraikan dan diniagakan secara bebas di Bursa Malaysia.

5 Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan berhad pada nama sesebuah syarikat awam?

A Bilangan ahli terhad kepada 50 orang sahaja.
B Pindah milik syer adalah terhad kepada orang ramai.
C Liabiliti pemegang saham terhad kepada modal yang disumbangkan sahaja.
D Kuasa mengundi lembaga pengarah terhad kepada pemegang syer biasa sahaja.

6 Apakah yang dimaksudkan dengan Dividen Akhir?

A Dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Biasa
B Dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Keutamaan
C Dividen yang dibayar setelah keuntungan sebenar syarikat diketahui
D Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar syarikat diketahui

7 Susunkan langkah-langkah penubuhan syarikat di bawah dengan aturan yang betul

I Membayar fi pendaftaran
II Menerima notis pemerbadanan
III Membuat carian nama dan permohonan nama
IV Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat

A I, II, III, IV
B II, I, IV, III
C III, IV, I, II
D IV, III, II, I

8 Maklumat di bawah berkaitan dengan syarikat

Pemilik dan organisasi perniagaan terasing dari segi perundangan. Perniagaan itu sendiri boleh didakwa, mendakwa dan boleh membuat kontrak serta memiliki dan menjual aset atas namanya.

Maklumat di atas merujuk kepada ciri-ciri syarikat

A Liabiliti terhad
B Entiti berasingan
C Hayat berterusan
D Pengasingan fungsi pemilikan dan fungsi pengurusan

9 Pernyataan manakah yang **betul** tentang ciri syer biasa dan syer keutamaan.

	Syer biasa	Syer keutamaan
A	Kadar dividen tidak tetap	Kadar dividen adalah tetap
B	Bayaran dividen diterima terlebih dahulu	Bayaran dividen diterima selepas pemegang saham biasa
C	Tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan	Layak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan
D	Berhak menerima tunggakan dividen bagi tahun-tahun yang lepas	Tidak layak menerima tunggakan dividen bagi tahun-tahun yang lepas

10 Antara berikut yang manakah **benar** tentang pemegang syer keutamaan?

A Kadar dividen yang diterima tidak tetap
B Tidak berhak menerima tunggakan dividen
C Tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan
D Bayaran balik modal diperolehi selepas tuntutan oleh pemegang syer biasa

11 Pilih catatan bergu yang betul untuk merekod bayaran balik kepada pelanggan apabila berlakunya lebihan langganan syer.

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Akaun Permohonan Syer
B	Akaun Permohonan Syer	Akaun Bank
C	Akaun Bank	Akaun Modal Syer
D	Akaun Modal Syer	Akaun Bank

12 Maklumat yang berikut diperoleh daripada Syarikat Al-Amin Berhad

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2018 Jan 31	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa	1 000 000	 1 000 000

Catatan jurnal am di atas digunakan untuk merekod

A Terbitan syer
B Bayaran balik lebihan langganan
C Penerimaan wang kurangan langganan
D Penerimaan wang daripada terbitan syer

13 Yang manakah antara berikut merupakan rumus yang **betul** bagi mengira dividen syer keutamaan?

A Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh x Peratus Dividen yang Ditetapkan
B Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh x Peratus Dividen yang Ditetapkan x Tempoh
C Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh x Peratus Dividen yang Diisytiharkan
D Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh x Peratus Dividen yang Diisytiharkan x Tempoh

14 Pernyataan yang manakah menerangkan ciri Syer Biasa?

A Kadar dividen tetap
B Tidak berhak mengundi
C Tidak berhak menerima tunggakan dividen
D Dividen dibayar sebelum dividen Syer Keutamaan

15 Pada 1 Januari 2017, Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syarikat Ejenali Berhad adalah seperti berikut:

- 1 000 000 unit syer biasa, RM1.00 sesyer
- 300 000 unit 6% syer keutamaan RM2.00 sesyer

Hitungkan Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi syarikat tersebut.

A RM400 000
B RM1 000 000
C RM1 300 000
D RM1 600 000

16 Modal Syarikat Azzahra Berhad terdiri daripada 2 000 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer dan 1 000 000 unit, 8% syer keutamaan RM2.00 sesyer. Syarikat telah menerbitkan 1 500 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer dan 500 000 unit 8% syer keutamaan RM2.00 sesyer. Semua syer dipohon untuk dibeli dan dibayar penuh. Pada 31 Disember 2016, syarikat telah mengisytiharkan dividen 8 sen atas syer biasa.

Hitungkan dividen yang perlu dibayar kepada pemegang syer keutamaan.

A RM40 000
B RM80 000
C RM120 000
D RM200 000

17 Maklumat berikut berkaitan dengan modal Syarikat Basikal Yen Yuan Berhad:

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh :	RM
600 000 unit 7% syer keutamaan RM2.00 sesyer	1 200 000
8 000 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer	8 000 000

Lembaga pengarah telah mengisytihar 8% dividen syer biasa bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017.

Hitung jumlah dividen yang diperuntukkan kepada pemegang syer biasa.

A RM480 000
B RM564 000
C RM576 000
D RM640 000

18 Maklumat berikut merupakan modal diterbitkan dan berbayar penuh syer keutamaan Syarikat Angsana Berhad.

1 000 000 unit 7% syer keutamaan bernilai RM2.00 sesyer

Pada 1 Julai 2017, Lembaga Pengarah membayar dividen interim 4%.

Hitung dividen interim dan dividen akhir syer keutamaan.

	Dividen Interim (RM)	Dividen akhir (RM)
A	RM60 000	RM80 000
B	RM80 000	RM60 000
C	RM40 000	RM30 000
D	RM40 000	RM70 000

19 Maklumat yang berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Encik Azam.

Pada 1 Januari 2015, Encik Azam telah membeli 20 000 unit 8% syer keutamaan RM 2 sesyer. Pada 31 Julai 2015, lembaga pengarah telah mengistiharkan dividen interim syer keutamaan 5%.

Berapakah dividen akhir yang akan diterima oleh Encik Azam?

A RM1 200
B RM2 000
C RM3 200
D RM5 200

20 Bagi tahun kewangan 31 Disember 2017, lembaga pengarah Syarikat Tombiruo Berhad telah mengisytiharkan pembayaran dividen akhir atas syer keutamaan dan dividen akhir sebanyak 12% kepada pemegang saham biasa.

Berapakah jumlah dividen akhir yang akan diterima oleh Ahmad jika dia mempunyai 10 000 unit 8% syer keutamaan RM1.00 sesyer dan 20 000 unit syer biasa RM0.50 sesyer dalam syarikat itu?

A RM800
B RM1 200
C RM2 000
D RM3 200

BAHAGIAN B

1 Lengkapkan jadual di bawah mengenai perbezaan antara Syer Biasa dengan Syer Keutamaan.

Ciri-ciri	Syer Biasa	Syer Keutamaan (bersifat kumulatif)
Kadar dividen		
Keutamaan pembayaran dividen		
Hak mengundi		
Tuntutan atas aset syarikat semasa pembubaran		
Tunggakan dividen		

2 Pada 15 Januari 2018, Syarikat Amanjaya Berhad telah menerbitkan 300 000 unit 9% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 600 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 29 Januari 2018.

Anda dikehendaki :

(a) menghitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

(b) menyediakan catatan jurnal untuk merekodkan terbitan Syer Biasa dan Syer Keutamaan.

(c) memindahkan catatan jurnal ke lejar-lejar berkaitan

3 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Kalip Basker Berhad.

Modal pada 1 Januari 2018
2 000 000 unit 7% Syer Keutamaan RM2 sesyer
3 000 000 unit Syer Biasa RM1 sesyer

Isi tempat kosong dibawah berdasarkan maklumat di atas.

Jenis Syer	Bilangan Syer Diterbitkan (unit)	x	Harga Sesyer (RM)	=	Jumlah (RM)
(a) 7% Syer Keutamaan		x		=	
(b) Syer Biasa		x		=	
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh				=	

Anda dikehendaki mengisi tempat kosong di atas berdasarkan maklumat yang diberikan.

4 Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Didi Berhad pada 1 Januari 2017.

Modal pada 1 Januari 2017
4 000 000 unit 6% Syer Keutamaan RM8 000 000
5 000 000 unit Syer Biasa RM5 000 000

Lembaga pengarah syarikat telah memutuskan untuk membayar Dividen Interim untuk Syer Keutamaan dan 3 sen sesyer untuk Syer Biasa pada 30 Jun 2017.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, syarikat telah mengisytiharkan Dividen Akhir 6 sen bagi setiap unit Syer Biasa.

Anda dikehendaki :

(a) menghitung :

(i) Jumlah Dividen Interim
(ii) Jumlah Dividen Akhir

(b) Menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

5 Pada 2 Mac 2018, modal syer Syarikat Susah Senang Berhad adalah seperti berikut :

Modal diterbitkan dan berbayar penuh :

1 500 000 unit 8% syer keutamaan RM3 000 000

2 000 000 unit syer biasa RM2 000 000

Keuntungan syarikat bagi lima tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan (RM)
2014	350 000
2015	900 000
2016	-
2017	-
2018	720 000

Anda dikehendaki menghitung dividen 8% syer keutamaan dan syer biasa

6 Syarikat Suka Duka Berhad menjalankan perniagaan membekalkan barangan alatan pejabat.

Pada 2 Julai 2017, syarikat telah menerbitkan 2 000 000 unit 10% syer keutamaan pada harga RM 2.00 sesyer dan 2 000 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 16 Julai 2018.

Pada 3 Oktober 2017, syarikat memerlukan modal tambahan. Syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit syer biasa pada harga yang sama seperti sebelum ini. Semua syer tersebut telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 16 Oktober 2017.

Anda dikehendaki :

(a) menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh.

(b) merekodkan terbitan syer dalam jurnal am.

(c) menyediakan:
   (i) Akaun Permohonan 10% syer keutamaan dan Akaun Modal 10% syer keutamaan
   (ii) Akaun Permohonan syer biasa dan Akaun Modal syer biasa
   (iii) Akaun Bank

(d) menunjukkan bahagian ekuiti pemilik syarikat dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018.

SOALAN MODUL 14 TAMAT

SKEMA JAWAPAN MODUL 14

BAHAGIAN A.

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	B	11	B
2	C	12	A
3	C	13	B
4	A	14	C
5	C	15	D
6	C	16	B
7	C	17	D
8	B	18	B
9	A	19	A
10	C	20	D

BAHAGIAN B.

1 Lengkapkan jadual di bawah mengenai perbezaan antara Syer Biasa dengan Syer Keutamaan.

Ciri-ciri	Syer Biasa	Syer Keutamaan (bersifat kumulatif)
Kadar dividen	Kadar dividen tidaktetap	Kadar dividen tetap
Keutamaan pembayaran dividen	Dividen hanya diberi sekiranya ada lebihan daripada keuntungan syarikat setelah dividen syer keutamaan dibayar	Menerima dividen terlebih dahulu daripada pemegang SyerBiasa
Hak mengundi	Mempunyai hak mengundi untuk melantik lembaga pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan	Tiada hak mengundi untuk melantik lembaga pengarah dalam Mesyuara tAgung Tahunan
Tuntutan atas asset syarikat semasa pembubaran	Tuntutan modal hanya boleh dibuat setelah tuntutan pemegang Syer Keutamaan dan semua liabiliti lain telah diselesaikan	Berhak membuat tuntutan modal sekiranya syarikat dibubarkan
Tunggakan dividen	Tiada tunggakan dividen atau tidak bersifat bertimbun tambah (kumulatif)	Tunggakan dividen akan dibayar pada tahun kewangan yang lain, sekiranya pada tahun semasa syarikat mengalami kerugian

2 (a) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh :

Syer Keutamaan = 300 000 x RM1
= RM300 000

Syer Biasa = 600 000 x RM0.50
= RM300 000

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh = RM300 000 + RM300 000
=RM600 000

(b) Catatan jurnal untuk merekodkan terbitan Syer Biasa dan Syer Keutamaan

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2018 Jan 15	Permohonan 9% Syer Keutamaan Modal 9% Syer Keutamaan (Merekod terbitan 9% Syer Keutamaan)	300 000	300 000
Jan 15	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	300 000	300 000
Jan 29	Bank Permohonan 9% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan 9% Syer Keutamaan dan Syer Biasa)	600 000	300 000 300 000

(c) Catatan jurnal ke lejar-lejar berkaitan :

Akaun Permohonan 9% SyerKeutamaan

2018		RM	2018		RM
Jan 15	Modal 9% Syer Keutamaan	300 000	Jan 29	Bank	300 000

Akaun Modal 9% Syer Keutamaan

2018		RM	2018		RM
			Jan 15	Permohonan 9% Syer Keutamaan	300 000

Akaun Permohonan Syer Biasa

2018		RM	2018		RM
Jan 15	Modal Syer Biasa	300 000	Jan 29	Bank	300 000

Akaun Modal Syer Biasa

2018	RM	2018		RM
		Jan 15	Permohonan Syer Biasa	300 000

Akaun Bank

2018		RM	2018	RM
Jan 29	Permohonan 9% Syer Keutamaan	300 000		
	Permohonan Syer Biasa	300 000		

3

Jenis Syer	Bilangan Syer Diterbitkan (unit)	x	Harga Sesyer (RM)	=	Jumlah (RM)
(a) 7% Syer Keutamaan	2 000 000	x	2.00	=	4 000 000
(b) Syer Biasa	3 000 000	x	1.00	=	3 000 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh				=	7 000 000

4 (a) (i) Jumlah Dividen Interim =

5% Syer Keutamaan = RM8 000 000 x 3%
= RM240 000

Syer Biasa = RM5 000 000 x RM0.03
= RM150 000

Jumlah Dividen Interim = RM240 000 + RM150 000
= RM390 000

(ii) Jumlah Dividen Akhir =

5% Syer Keutamaan = RM8 000 000 x 3%
= RM240 000

Syer Biasa = RM5 000 000 x RM0.0
= RM300 000

Jumlah Dividen Akhir = RM240 000 + RM300 000
= RM540 000

(iii) Syarikat Didi Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Ekuiti Pemilik	**RM**
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
4 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	8 000 000
5 000 000 unit Syer Biasa	5 000 000
	13 000 000

5 Anda dikehendaki menghitung dividen 8% syer keutamaan dan syer biasa.

TAHUN	KEUNTUNGAN RM	PEMBAYARAN DIVIDEN 8% SYER KEUTAMAAN	PEMBAYARAN DIVIDEN SYER BIASA
2014	350 000	240 000	110 000
2015	900 000	240 000	660 000
2016	-	0	0
2017	-	0	0
2018	720 000	720 000	0

6 (a) menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh.

JENIS SYER	PENGIRAAN
10% syer keutamaan	2 000 000 X 2 = 4 000 000
Syer biasa	2 000 000 X 1 = 2 000 000
Syer biasa	1 000 000 X 1 = 1 000 000
Jumlah modal diterbitkan dan berbayar penuh	**7 000 000**

(b) merekodkan terbitan syer dalam jurnal am.

TARIKH	BUTIRAN	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
2017 Julai 2	Permohonan 10% syer keutamaan Modal 10% syer keutamaan (merekod terbitan 10% syer keutamaan)	4 000 000	4 000 000
Julai 2	Permohonan syer biasa Modal syer biasa (merekod terbitan syer biasa)	2 000 000	2 000 000
Julai 16	Bank Permohonan 10% syer keutamaan Permohonan syer biasa (merekod permohonan 10% syer keutamaan dan syer biasa)	6 000 000	4 000 000 2 000 000
Okt 3	Permohonan syer biasa Modal syer biasa (merekod terbitan syer biasa)	1 000 000	1 000 000

Okt 16	Bank Permohonan syer biasa (merekod permohonan tambahan syer biasa)	1 000 000	1 000 000

(c) menyediakan:

(I) Akaun Permohonan 10% syer keutamaan dan Akaun Modal 10% syer keutamaan

Akaun Permohonan 10% syer keutamaan					
2017		RM	2017		RM
Julai 2	Modal 10% syer keutamaan	4 000 000	Julai 16	Bank	4 000 000

Akaun Modal 10% syer keutamaan					
2017		RM	2017		RM
			Julai 2	Permohonan 10% syer keutamaan	4 000 000

(II) Akaun Permohonan syer biasa dan Akaun Modal syer biasa

Akaun Permohonan syer biasa					
2017		RM	2017		RM
Julai 2	Modal syer biasa	2 000 000	Julai 16	Bank	2 000 000
Okt 3	Modal syer biasa	1 000 000	Okt 16	Bank	1 000 000

Akaun modal syer biasa					
			2017		RM
			Julai 2	Bank	2 000 000
			Okt 3	Bank	1 000 000

(III) Akaun Bank

Akaun Bank					
2017		RM			
Julai 16	Permohonan 10% syer keutamaan	4 000 000			
	Permohonan syer biasa	2 000 000			
Okt 16	Permohonan syer biasa	1 000 000			

(d) tunjukkan bahagian ekuiti pemilik syarikat dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018.

Syarikat Suka Duka Berhad Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018		
	Ekuiti Pemilik	
	Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
	2 000 000 unit 10% Syer keutamaan	4 000 000
	2 000 000 unit Syer biasa	2 000 000
	1 000 000 unit Syer biasa	1 000 000
		7 000 000

SKEMA JAWAPAN MODUL 14 TAMAT